

PM umum khabar gembira kepada pengguna Jumaat ini

Keputusan hasil mesyuarat bincang isu kenaikan harga barangan harian

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka membuat pengumuman melegakan pengguna pada Jumaat ini berkaitan harga barangan harian, termasuk ayam.

Beliau dijangka membuat pengumuman berkenaan selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia susulan hasil mesyuarat khas isu bekalan dan harga ayam di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), baru-baru ini.

“Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat itu akan dibawa ke mesyuarat khas NACCOL, Jumaat ini. Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat NACCOL, jadi mungkin ada pengumuman yang mengembirakan pengguna,” katanya kepada **BH**.

Rosol juga memberi jami-

nan, pengguna tidak perlu bimbang dengan bekalan dan harga ayam menjelang Aidilfitri ini.



RosolWahid

Beliau memaklumkan, mesyuarat di antara KPDNHEP dan MAFI itu turut membincangkan isu harga telur yang juga mendapat permintaan tinggi pada Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

“Bekalan dan harga kita bincangkan dalam mesyuarat antara kedua-dua kementerian, bersama barang keperluan lain yang bukan hanya tertumpu kepada Aidilfitri, tetapi juga sehingga Jun kerana dalam bulan itu, ada perayaan Pesta Karamatan dan Hari Gawai,” katanya.

Khamis lalu, Menteri Pertani-

an dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, dilaporkan berkata mesyuarat di antara kementeriannya dengan KPDNHEP, antara lain bagi membincangkan isu harga ayam, meliputi aspek kenaikan kos pengeluaran, subsidi dan harga siling jualan.

Antara perkara diteliti ialah pandangan beberapa pihak bahawa harga jualan siling ayam wajar dinaikkan daripada RM8.90 kepada RM9.90 sekilogram.

Harga siling RM8.90 sekilogram itu ditetapkan lebih sebulan lalu dan kos pengeluaran ayam kemudian naik lebih daripada itu, sekali gus kerajaan memberikan subsidi 60 sen.

Bagaimanapun, kadar subsidi berkenaan hanya sesuai ketika satu atau dua bulan lalu, manakala pengimportan jagung pula tidak statik dan meningkat dalam tempoh sama.